



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 18/2021

PENGISYTIHARAN CUTI REHAT WAJIB SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2021

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 8/2021 (Kali ke-233) bertarikh 9 Mei 2021 telah bersetuju untuk meluluskan pelaksanaan Cuti Rehat Wajib selama satu (1) hari pada **12 Mei 2021 (Rabu)** sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2021.
2. Cuti Rehat Wajib ini dilaksanakan setelah mengambilkira rekod lepas jumlah kehadiran staf yang kecil pada hari sebelum hari raya seterusnya penjimatan utiliti seperti telekomunikasi, elektrik dan air dapat dioptimumkan. Selain itu, nilai integriti sentiasa dijamin dengan memastikan tiada penyalahgunaan kemudahan Bekerja Dari Rumah (WFH) bagi tujuan membuat persiapan hari raya pada hari tersebut.
3. Cuti Rehat Wajib ini akan direkodkan dalam jumlah cuti rehat tahunan bagi semua staf UMK dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing perlu mengambil maklum dan mengesahkannya.
4. Pihak Universiti ingin mengingatkan semua Warga UMK agar sentiasa berhati-hati dalam meraikan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini dengan menjaga diri dan ahli keluarga masing-masing mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mazula Binti Sabudin'.

MAZULA BINTI SABUDIN

Pendaftar

09 MEI 2021

- s.k. - YBhg. Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab